



Dr. Rosmalina Abdul Rashid

Hari Perhutanan Sedunia 2013

Oleh : Arina Shakinah Abdul Samad

KHAMIS, 18 APRIL - Sambutan Hari Perhutanan Sedunia 2013 Peringkat Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan tema Our Forest, Our Future telah diadakan di Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA). Manakala Sambutan Peringkat Kebangsaan menyaksikan Pahang menjadi tuan rumah dengan tema Kesejahteraan Masyarakat pada 21 Mac lalu.

Berucap pada majlis perasmian, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, sambutan Hari Perhutanan Sedunia tidak seharusnya dipandang sebagai simbol perayaan semata-mata, tetapi sebagai satu kesedaran betapa pentingnya manusia menghargai hutan untuk Conservation dan World Wild Fun (WWF).

Beliau sebelum itu telah menanam Dryobalanops Lanceolata (pokok Kapur Paji) sebagai simbolik perasmian.